

Saranan untuk Kementerian Belia dan Sukan(MYS) dalam mobilisasi pengundi pos luar negara (pengundi muda) **Oleh Global Bersih (Mac 2023)**

Latar belakang

Sejak bertahun-tahun Global Bersih (GB) telah berusaha dengan gigih untuk menegakkan hak pengundi di luar negara. Pada tahun 2019, GB telah menyarankan pembaharuan-pembaharuan yang diperlukan untuk melaksanakan sistem pengundian dari luar negara secara berkesan. Beberapa saranan ini yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menyebabkan peningkatan ketara dalam bilangan pengundi luar negara dan pada masa yang sama, telah meningkatkan kecekapan sistem yang sedia ada.

Cadangan yang telah dilaksanakan ialah:

- Pelaksanaan Pendaftaran Pemilih Automatik (AVR)
- Penurunan umur pengundi kepada 18 (Undi 18)
- Pengenaln pendaftaran dalam talian untuk pengundi luar negara di platform Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
- Kemasukan rakyat Malaysia yang tinggal di Singapura, Thailand Selatan, Brunei, dan Kalimantan dalam sistem undi pos luar negara.
- Pemansuhan syarat untuk warga Malaysia di luar negara berada di Malaysia selama 30 hari dalam tempoh lima tahun terakhir sebelum tarikh pendaftaran.

Berkat reformasi di atas dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi peningkatan ini, tidak dapat dinafikan bahawa jumlah rakyat Malaysia di luar negara yang berhak mengundi akan terus meningkat. Terdapat 7979 pemilih pos luar negara berdaftar untuk PRU14¹, dan untuk PRU15, jumlah itu melonjak kepada 48,109² yang menunjukkan peningkatan drastik sebanyak 603%.

Menurut Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, populasi diaspora Malaysia sudah berjumlah 1,860,037 pada 2020.³

Kenapa sekarang ?

Pelaksanaan Undi18 dan Pendaftaran Pemilih Automatik (AVR) sahaja telah menyebabkan pertambahan sebanyak 42% dalam jumlah pengundi, daripada 14.9 juta pada PRU14 kepada 21.1 juta dalam daftar pemilih untuk PRU15 di Malaysia. ⁴Ramai daripada pengundi "baru" ini akan juga mengundi sebagai pengundi luar negara.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah melaporkan bahawa pada 2019 sahaja, hampir 73,000 rakyat Malaysia belajar di luar negara pada masa tersebut.

¹ <https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/364145>

² <https://themalaysianreserve.com/2022/11/15/ge15-ec-issues-365686-postal-ballot-papers/>

³ https://www.un.org/en/file/105459/download?token=oh_ySkJg

⁴ <https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/364145>

Walaupun jumlah ini berkurangan dengan krisis Covid-19, pakar industri meramalkan angka ini akan berganda dengan pembukaan sempadan selepas krisis Covid-19.⁵ Menurut tinjauan pendapat yang dijalankan oleh Asian Study Center, lebih daripada 70% mahasiswa Malaysia berharap dan berusaha untuk belajar di luar negara dan terus bermastautin di luar negara^{6,7}. Ini akan menyebabkan sebahagian besar daripada diaspora yang semakin meningkat, terdiri daripada golongan muda.

Misi dan pelan strategik MYS memberi penekanan kepada transaksi belia kepada tenaga kerja, pemerkasaan belia dan peningkatan kualiti hidup dalam kalangan belia. Ini menyerlahkan kepentingan pembangunan belia dalam membuka laluan untuk masa depan mereka. MYS berfokus untuk mewujudkan semangat kekitaan dan semangat komuniti yang penting dalam pembangunan belia. Mobilisasi belia di luar negara bukan sahaja sejajar dengan visi MYS tetapi juga akan menyumbang untuk memerangi cabaran 'brain drain' di Malaysia dengan mengekalkan hubungan yang sihat dengan tanahair.

Kemunculan 'aktivism' belia Malaysia yang amat aktif baru-baru ini di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa generasi muda sangat peka dengan keperluan mereka dan melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada perubahan. Pergerakan belia ini perlu digunakan sebagai platform untuk mewujudkan lebih kesedaran tentang sistem dan konsep seperti sistem pengundian, peranan pelbagai bahagian kerajaan dan proses demokrasi Malaysia.

Semasa PRU15, pelajar Malaysia di luar negara telah memainkan peranan yang penting dalam mengumpul dan menerbangkan balik kertas undi melalui inisiatif 'Vote Malaysia'. Ini menunjukkan kepentingan penggembleran belia di luar negara. Program mobilisasi belia jangka panjang oleh MYS adalah penting untuk pemerkasaan belia dan mewujudkan ikatan antara MYS dan generasi masa depan Malaysia. Parti-parti politik tempatan seperti MUDA dan DAP juga semakin aktif dalam menggerakkan belia antarabangsa Malaysia dan merangsang minat politik di kalangan belia Malaysia di luar negara.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk mendekati golongan belia di luar negara khususnya pelajar di luar negara bagi memastikan mereka sedar akan hak dan tanggungjawab mereka untuk mengambil bahagian dalam sistem demokrasi bagi memupuk pembangunan holistik belia kita serta mengekalkan hubungan yang positif dengan tanah air.

⁵ <https://myunisearch.com/blog/why-malaysian-students-look-to-study-abroad>

⁶ <https://www.asianstudycentre.com/ascnews/top-news/70-malaysian-students-want-study-overseas-says-poll/>

⁷ <https://myunisearch.com/blog/why-malaysian-students-look-to-study-abroad>

Cadangan

- *Kempen media sosial yang berterusan untuk penggemblengan belia di luar negara.*

Media sosial memainkan peranan penting untuk belia di luar negara untuk berkomunikasi dan mendapat berita mengenai tanah air. MYS seharusnya menggunakan platform di media sosial untuk mendekati golongan muda dengan menjalankan kempen media sosial berterusan yang memfokuskan kepada cara mengundi dan kepentingan mengundi tidak kira di mana mereka berada. MYS boleh menghubungi Akademi Pilihanraya untuk membincangkan cara untuk menyesuaikan maklumat itu agar sesuai dengan keperluan belia Malaysia di luar negara. Sebagai contoh, Soalan Lazim yang direka khas untuk belia di luar negara boleh diaturkan dalam format yang menarik untuk menarik perhatian dan minat belia. Soalan Lazim juga akan menangani masalah maklumat salah mengenai pengundian pos yang dihadapi oleh pengundi luar negara dalam Pilihan Raya Umum. Kempen media sosial ini juga harus disokong oleh organisasi lain yang berkaitan dengan belia di luar negara bagi mewujudkan semangat kemasyarakatan dan kekitaan untuk generasi masa depan Malaysia. Informasi yang amat penting dalam kempen social media ini adalah

- Penurunan umur mengundi ke 18 tahun
- Pendaftaran Automatik (Tidak perlu mendaftar sebagai oengundi)
- Pembukaan akaun pengguna SPR
- Pendaftaran sebagai pengundi pos luar negara

- *Sertakan pendidikan pengundi sebagai sebahagian daripada orientasi mereka untuk pelajar luar negara.*

MYS boleh menghubungi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), MARA (Majlis Amanah Rakyat) dan organisasi lain yang terlibat dan menggalakkan mereka memasukkan pendidikan pengundi sebagai sebahagian daripada program orientasi untuk pelajar Malaysia yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negara. Ini akan memastikan pelajar-pelajar ini mendapat informasi yang sahih dan sedar tentang tanggungjawab mereka untuk mengundi dari luar negara. Organisasi-organisasi ini juga harus digalakkan untuk berkongsi maklumat pengundian pos luar negara di portal dalam talian mereka untuk memanfaatkan sumber sedia ada.

- *Galakkan pelajar luar negara untuk melibatkan diri dengan diaspora tempatan*

Pada masa ini terdapat sedikit perpecahan antara komuniti pelajar dan diaspora umum di banyak negara. Oleh itu adalah penting untuk kita cuba merapatkan kedua-dua komuniti supaya mereka boleh menyokong satu sama lain apabila mereka berada di luar negara. MYS boleh bekerjasama dengan Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) untuk mewujudkan peluang kepada pelajar untuk bertemu dengan golongan lain dalam diaspora. Perspektif global akan menjana perhubungan rapat antara komuniti yang akan memberi manfaat kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam pemikiran bebas dengan pertukaran pendapat dan perspektif tentang situasi sosial, ekonomi, agama dan politik di Malaysia. Agensi-agensi kerajaan mesti mewujudkan persekitaran yang tidak partisan, bebas dari ketakutan untuk pelajar, terutamanya pelajar biasiswa. Bekerjasama dengan NGO

bukan partisan seperti Global Bersih adalah satu cara baik untuk mencapai perkara ini.

Bagaimana Global Bersih boleh membantu

Global Bersih telah berkomunikasi dengan rakyat Malaysia di luar negara selama lebih sedekad, dan ini membolehkan pihak kami membina dan menjalin hubungan dengan diaspora di seluruh dunia untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia di luar negara termasuk pelajar. Global Bersih dan MYS boleh berganding bahu untuk mendekati belia Malaysia secara global dengan pendekatan kolektif. Global Bersih bersedia untuk

- Kenal pasti keperluan belia di luar negara dan berikan maklum balas dan cadangan untuk menambah baik lagi mobilisasi belia di luar negara.
- Global Bersih boleh menyediakan dan menyebarkan maklumat yang dikeluarkan oleh MYS kepada diaspora.
- Kerjasama antara MYS dan Global Bersih akan mewujudkan persekitaran bebas ketakutan untuk pelajar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti berkaitan dengan demokrasi dan/atau aktiviti berkaitan dengan pengundian untuk memupuk generasi masa depan kita.
- Kerjasama dengan Global Bersih boleh memperkasakan belia kita untuk meneroka identiti mereka dan menghadapi cabaran dalam persekitaran yang baru kerana kami boleh membantu dalam pelbagai hal berkaitan dengan demokrasi.

Global Bersih percaya bahawa kita boleh bekerjasama dalam menggerakkan rakyat Malaysia di luar negara untuk memupuk semangat kemasyarakatan dengan menganjurkan acara bersama-sama untuk mendekati belia Malaysia di luar negara.

Penutup

Semua cadangan di atas adalah penting untuk memastikan hak mengundi rakyat Malaysia di luar negara dipertahankan. Kami telah membuktikan motivasi dan semangat kami semasa dua PRU yang lalu, dan kini sudah tiba masanya suara kami didengari, dan tindakan diambil untuk memberi kami hak dalam pelaksanaan demokrasi Malaysia.

Laporan Pemerhatian PRU15 oleh Bersih baru-baru ini (dikeluarkan 10 Mac 2023) juga menggambarkan bahawa semua cadangan yang telah diusahakan oleh Global Bersih sejak beberapa tahun kebelakangan ini perlu berlaku untuk memastikan sistem undi pos luar negara yang lebih berkesan.

Mobilisasi diaspora dan memastikan rakyat Malaysia di luar negara boleh mengundi adalah selaras dengan idea masyarakat inklusif dan menghormati semua lapisan masyarakat, yang merupakan nilai teras Madani - Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Nilai teras ini boleh diperkukuh dengan melibatkan lebih ramai rakyat Malaysia di luar negara dan

menggalakkan mereka menyumbang kepada pembangunan. Memastikan bahawa hak megundi rakyat Malaysia di luar negara terpelihara adalah langkah positif ke arah ini.

Global Bersih bersedia untuk berkomunikasi lanjut mengenai perkara ini, dan kami bersedia bekerjasama untuk memastikan diaspora kita bergerak ke arah yang betul.

Global Bersih ialah sebuah NGO yang ditubuhkan di bawah Kod Sivil Switzerland. Ia bertujuan untuk menyokong usaha masyarakat sivil Malaysia untuk mengukuhkan demokrasi Malaysia yang semakin matang

Kami berhasrat untuk mencapai:

- Pelaksanaan penuh dan berkesan hak Malaysia untuk pilihan raya yang bebas dan adil
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia yang bebas dan berkesan, terutamanya dalam memantau percanggahan pilihan raya.
- Kemajuan hak asasi manusia, kedaulatan undang-undang dan demokrasi di Malaysia.

Apa yang kami lakukan

- Kami menyediakan platform global untuk suara rakyat Malaysia biasa dan masyarakat sivil untuk mendekati masyarakat antarabangsa, khususnya badan hak asasi manusia, misi diplomatik, media asing dan masyarakat sivil.
- Kami menggalakkan pertukaran idea mengenai Malaysia, di Malaysia dan luar negara untuk memberi tumpuan kepada usaha yang berkaitan dengan reformasi pilihan raya.
- Kami menggalakkan sokongan dan meningkatkan komitmen daripada rakyat Malaysia di seluruh dunia ke arah mewujudkan momentum antarabangsa yang lebih kukuh untuk pilihan raya dan demokrasi di Malaysia.
- Mobilisasi diaposra

Untuk maklumat lanjut

Global Bersih

15 Cours des Bastions

CH-1205

Geneva, Switzerland

www.globalbersih.org

facebook.com/GlobalBersih

twitter.com/GlobalBersih

tiktok.com/@globalbersih

instagram.com/global_bersih